



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular And Arts Division

Aras 1, 6 & 7, Blok E 13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333

Faks : +603 88841034/88886790

Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600-12/1/4 Jld. 17 (97)

2 Februari 2021

Ketua Setiausaha,
Kementerian Alam Sekitar dan Air,
Aras 1-10, Blok F11, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 Putrajaya.

YBhg. Dato' Seri,

KEBENARAN PENGANJURAN PERTANDINGAN REKA CIPTA KOMIK SECARA DALAM TALIAN DI BAWAH PROJEK *REDUCING MARINE LITTER BY ADDRESSING THE MANAGEMENT OF THE PLASTIC VALUE CHAIN IN SOUTH EAST ASIA (SEA CIRCULAR)*

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak YBhg. Dato' Seri bertarikh **22 Januari 2021** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan pelaksanaan aktiviti tersebut daripada pihak YBhg. Dato' Seri. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan program kokurikulum di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan sosial merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma kehidupan baharu pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan YBhg. Dato' Seri serta tiada halangan bagi pihak YBhg. Dato' Seri menganjurkan **Pertandingan Reka Cipta Komik Secara Dalam Talian Di Bawah Projek *Reducing Marine Litter By Addressing The Management Of The Plastic Value Chain In South East Asia (Sea Circular)*** kepada murid sekolah rendah dan menengah selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Walau bagaimanapun, selaras dengan Standard Operating Procedure (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Garis Panduan Pelaksanaan Sukan dan Kokurikulum, KPM berkaitan langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19, pihak YBhg. Dato' Seri dimohon untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

...2/-

KEBENARAN PENGANJURAN PERTANDINGAN REKA CIPTA KOMIK SECARA DALAM TALIAN DI BAWAH PROJEK *REDUCING MARINE LITTER BY ADDRESSING THE MANAGEMENT OF THE PLASTIC VALUE CHAIN IN SOUTH EAST ASIA (SEA CIRCULAR)*

KPM.600-12/1/4 Jld.17 (97)

2 Februari 2021

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Pihak penganjur disaran untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform seperti WhatsApp, Instagram, Facebook, Telegram / aplikasi lain seperti; MEET atau Webex yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian (maya);
- 4.9 Selaras dengan pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuat kuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon agar memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung seperti gotong-royong membersihkan kawasan (sekiranya program dilaksana secara bersemuka);
- 4.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;

KEBENARAN PENGANJURAN PERTANDINGAN REKA CIPTA KOMIK SECARA DALAM TALIAN DI BAWAH PROJEK *REDUCING MARINE LITTER BY ADDRESSING THE MANAGEMENT OF THE PLASTIC VALUE CHAIN IN SOUTH EAST ASIA (SEA CIRCULAR)*

KPM.600-12/1/4 Jld.17 (97)

2 Februari 2021

- 4.11 Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM kepada Ketua Setiausaha KPM melalui Unit Komunikasi Korporat, KPM bagi program yang hanya melibatkan guru dan murid sekolah di bawah KPM. Logo ini hanya boleh dipamerkan pada sijil dan banner sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau bertujuan komersial;
- 4.12 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM dalam tempoh 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum; dan
- 4.13 KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Surat kebenaran ini **hanya** untuk **Kementerian Alam Sekitar dan Air(KASA)** yang akan menganjurkan **Pertandingan Reka Cipta Komik Secara Dalam Talian Di Bawah Projek *Reducing Marine Litter By Addressing The Management Of The Plastic Value Chain In South East Asia (Sea Circular)*** daripada **10 Februari hingga 10 Mei 2021 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.

6. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato' Seri boleh berhubung dengan **Puan Illy Nadia binti Barudin** di talian **03-8872 1617** atau e-mel **illynadia@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT:DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAINAL BIN ABAS)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

IN/in

s.k. Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Alam Sekitar,
Kementerian Alam Sekitar dan Air

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)

1.0 Nama Program/Aktiviti

2.0 Tarikh Pelaksanaan

3.0 Tempat

4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)

BIL	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
10										
JUMLAH										

***Sekiranya melibatkan penyertaan luar negara, sila lampirkan salinan passport.

5.0 Jadual Pelaksanaan Aktiviti

6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan (****Jika berkaitan*)

7.0 Pemenang (****Jika berkaitan*)

8.0 Isu dan cabaran

9.0 Cadangan penambahbaikan

10.0 Gambar

Disediakan Oleh:

Tarikh: